



**INTERNATIONAL JOURNAL
OF ENTREPRENEURSHIP AND
MANAGEMENT PRACTICES
(IJEMP)**

www.gaexcellence.com/ijemp



**TAHAP KESEDARAN IBU BAPA DAN HUBUNGANNYA
DENGAN KECENDERUNGAN KERJAYA
KEUSAHAWANAN ANAK-ANAK: SATU KAJIAN DI
LEMBAH KLANG**

*TAHAP KESEDARAN IBU BAPA DAN HUBUNGANNYA DENGAN
KECENDERUNGAN KERJAYA KEUSAHAWANAN ANAK-ANAK :
SATU KAJIAN DI LEMBAH KLANG*

Zainoor Sabrina Zainul Hisham¹, Sheerad Sahid^{2*}

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

 zainoorsabrina6@gmail.com

 <https://orcid.org/0009-0002-5451-9863>

²Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

 sheerad@ukm.edu.my

 <https://orcid.org/0000-0003-2401-4629>

*Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 25.01.2026

Revised date: 22.02.2026

Accepted date: 18.03.2026

Published date: 31.03.2026

To cite this document:

Hisham, Z. S. Z., & Sahid, S. (2026). Tahap Kesedaran Ibu Bapa Dan Hubungannya Dengan Kecenderungan Kerjaya Keusahawanan Anak-Anak: Satu Kajian Di Lembah Klang. *International Journal of Entrepreneurship and*

Abstrak:

Kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti tahap kesedaran ibu bapa terhadap kerjaya keusahawanan anak-anak dan menguji tahap kesedaran ibu bapa terhadap kerjaya keusahawanan anak-anak di Lembah Klang. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif yang melibatkan 400 orang ibu bapa yang mempunyai anak berumur 13 hingga 25 tahun di kawasan bandar dan luar bandar Lembah Klang, dengan pemilihan sampel secara rawak berstrata dan pengumpulan data melalui soal selidik dalam talian. Data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS) versi 26 untuk menguji antara pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar. Analisis regresi menunjukkan bahawa tahap kesedaran ibu bapa menyumbang secara signifikan terhadap kerjaya keusahawanan anak-anak. Sehubungan itu, kajian ini diharapkan dapat menjadi panduan kepada ibu bapa, pendidik dan pembuat dasar untuk meningkatkan kesedaran serta sokongan terhadap kerjaya keusahawanan anak-anak demi membentuk ekosistem keusahawanan yang lebih kondusif dan berdaya saing pada masa hadapan.

Management Practices, 9(33),
577-593.

DOI: 10.35631/IJEMP.933034

Kata Kunci:

Tahap Kesedaran, Kerjaya Keusahawanan, Ibu Bapa, Anak-Anak

Abstract:

This study was conducted to identify the level of parental awareness of their children's entrepreneurial careers and to test the level of parental awareness of their children's entrepreneurial careers in the Klang Valley. The study employed a quantitative approach involving 400 parents who have children aged between 13 and 25 years living in both urban and rural areas of the Klang Valley. A stratified random sampling technique was used, and data were collected through an online questionnaire. The collected data were analysed using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 26 to examine the relationships between the independent and dependent variables. Regression analysis revealed that the level of parental awareness contributes significantly to their children's entrepreneurial career choices. Therefore, this study is expected to serve as a guide for parents, educators, and policymakers in enhancing awareness and support for children's entrepreneurial careers in order to foster a more conducive and competitive entrepreneurial ecosystem in the future.



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact ijemp@gaexcellence.com

Keyword:

Awareness Level, Entrepreneurial Career, Parents, Children

Pengenalan

Dalam era globalisasi dan ekonomi digital yang pesat berkembang, kerjaya keusahawanan telah menjadi satu bidang penting yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara dan membentuk masa depan generasi muda. Menurut Janius et al. (2023), keusahawanan bukan sahaja memperkukuh struktur ekonomi negara melalui penciptaan peluang pekerjaan dan inovasi baharu, malah turut memberi ruang kepada golongan muda untuk mengembangkan potensi diri secara kreatif dan berdikari. Pendidikan keusahawanan yang diterapkan sejak awal usia boleh membentuk sikap positif terhadap cabaran serta meningkatkan daya saing individu dalam ekonomi masa hadapan (Prasakti & Idrus, 2024). Walau bagaimanapun, tahap kesedaran ibu bapa terhadap potensi kerjaya keusahawanan masih rendah dan sering dipandang sebelah mata terutamanya dalam konteks pemilihan kerjaya anak-anak (Nafi & Sahid, 2023).

Kesedaran ibu bapa memainkan peranan penting dalam menentukan hala tuju kerjaya anak-anak. Menurut Nafi dan Sahid (2023), ibu bapa yang mempunyai tanggapan positif terhadap kerjaya keusahawanan lebih cenderung memberikan sokongan moral dan material kepada anak-anak untuk menceburi bidang tersebut. Sebaliknya, ibu bapa yang kurang memahami bidang keusahawanan cenderung menganggap kerjaya ini sebagai tidak stabil dan berisiko tinggi serta mempengaruhi kecenderungan anak-anak untuk tidak menceburi bidang tersebut

walaupun anak-anak memiliki potensi dan minat yang mendalam (Veljkovic et al., 2020). Oleh itu, hal ini penting untuk mengenal pasti secara empirikal tahap kesedaran ibu bapa agar strategi pendidikan keusahawanan dapat disusun dengan lebih berkesan (Janius et al., 2023).

Persekitaran keluarga yang menyokong dan mendorong aktiviti keusahawanan didapati mampu membentuk sikap anak-anak terhadap bidang tersebut. Menurut Osman et al. (2023), sokongan awal daripada ibu bapa melalui pendedahan kepada aktiviti perniagaan dapat memupuk minat mendalam terhadap bidang keusahawanan sejak usia muda. Pendidikan formal juga memainkan peranan penting, namun dorongan berterusan daripada keluarga tetap menjadi faktor utama yang membentuk sikap positif anak-anak terhadap kerjaya keusahawanan. Kesediaan ibu bapa untuk menerima kerjaya moden seperti keusahawanan boleh membantu mengubah pemikiran lama yang terlalu mengutamakan pekerjaan dengan pendapatan tetap.

Dalam usaha memperkukuh pembangunan kerjaya keusahawanan dalam kalangan belia, kerajaan Malaysia telah merangka pelbagai dasar dan pelan strategik yang menyeluruh dengan mengambil kira peranan ibu bapa sebagai pengaruh utama terhadap pembentukan kesedaran dan sikap anak-anak terhadap bidang ini. Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN 2030) merupakan dasar utama yang menekankan kepada pembangunan bakat dalam bidang keusahawanan bermula dari peringkat sekolah rendah hingga ke institusi pengajian tinggi. Dalam kerangka dasar ini, penglibatan komuniti secara menyeluruh amat penting termasuk peranan ibu bapa yang dilihat sebagai pemangkin dalam membentuk budaya keusahawanan di peringkat awal. (Kementerian Pembangunan Usahawan & Koperasi, 2019). Selain itu, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025 turut memberi fokus kepada peningkatan elemen inovasi dan keusahawanan dalam kalangan pelajar, dan menyarankan kerjasama erat antara sekolah dan ibu bapa dalam menyediakan pendedahan awal mengenai potensi kerjaya keusahawanan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Menurut Sekretariat Majlis TVET Negara (2024), memberi perhatian kepada pemupukan minat keusahawanan dalam kalangan pelajar melalui sokongan ekosistem keluarga yang kondusif.

Di samping itu, beberapa pelan strategik yang lebih bersifat inklusif turut menyumbang kepada usaha memperkukuh kesedaran dan sikap terhadap keusahawanan dalam kalangan generasi muda. Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) 2021–2025 menumpukan kepada pembangunan modal insan melalui inovasi dan keusahawanan serta menekankan peranan keluarga sebagai institusi utama dalam membentuk aspirasi dan nilai anak-anak (Unit Perancang Ekonomi, 2021). Menurut Kementerian Belia dan Sukan Malaysia (2021), keperluan memperkasakan golongan muda melalui pembentukan minda keusahawanan disokong oleh keluarga sebagai rakan strategik utama dalam proses ini. Dasar Pembangunan Keluarga Negara (DPKN) menekankan kepentingan pembentukan keluarga yang sejahtera sebagai asas untuk menyokong perkembangan potensi anak-anak. Ini termasuk memberikan sokongan dalam pemilihan kerjaya keusahawanan serta membantu dalam proses pembinaan masa depan keusahawanan anak-anak (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat, 2011). Oleh itu, kesemua dasar dan pelan ini menunjukkan bahawa kerajaan telah menyediakan strategi yang jelas untuk memperkukuh sokongan ibu bapa dalam pembangunan kerjaya keusahawanan anak-anak di Malaysia.

Bagi menyokong usaha kerajaan ini, sektor pendidikan di Malaysia juga telah memberi penekanan kepada pembangunan kemahiran keusahawanan sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Menurut Zaini (2023), pengenalan modul keusahawanan di peringkat sekolah rendah dan menengah memberi kesan positif terhadap minat dan aspirasi pelajar untuk

menceburi dunia perniagaan. Pelajar yang terdedah kepada pendidikan ini dari awal lebih cenderung untuk memandangkan keusahawanan sebagai satu pilihan kerjaya yang berdaya maju dan memberikan peluang kejayaan. Oleh itu, pendidikan keusahawanan berfungsi untuk membimbing pelajar dalam memahami dunia perniagaan serta menyediakan maklumat yang berguna kepada ibu bapa bagi membolehkan mereka membina sikap dan persepsi yang lebih terbuka terhadap kerjaya keusahawanan.

Walaupun pelbagai kajian telah meneliti faktor yang mempengaruhi kecenderungan keusahawanan dalam kalangan generasi muda, kajian yang memfokuskan secara khusus kepada tahap kesedaran ibu bapa terhadap kerjaya keusahawanan anak-anak dalam konteks Malaysia masih terhad. Kebanyakan kajian terdahulu lebih menumpukan kepada peranan pendidikan keusahawanan atau sokongan institusi pendidikan, manakala peranan kesedaran ibu bapa sebagai faktor persekitaran masih kurang diberi perhatian. Oleh itu, kajian ini memberikan sumbangan baharu dengan mengaplikasikan Teori Kerjaya Kognitif Sosial (Social Cognitive Career Theory - SCCT) bagi menjelaskan bagaimana kesedaran ibu bapa sebagai faktor persekitaran mempengaruhi kecenderungan kerjaya keusahawanan anak-anak. Selain itu, kajian ini turut memberikan bukti empirikal terkini dalam konteks masyarakat Malaysia khususnya di kawasan Lembah Klang.

Justeru, kajian ini bukan sahaja menyumbang kepada pengembangan teori SCCT dalam konteks tempatan malah memberikan implikasi praktikal kepada ibu bapa dan pembuat dasar dalam memupuk kecenderungan keusahawanan dalam kalangan generasi muda.

Permasalahan Kajian

Dalam menghadapi situasi ekonomi negara yang semakin mencabar dan berdaya saing, keusahawanan dilihat sebagai satu bidang yang bukan sahaja berupaya membuka peluang pekerjaan malah turut berperanan penting dalam memperkukuh struktur sosial dan ekonomi masyarakat. Menurut Adenutsi (2023), keupayaan keusahawanan untuk menjana pendapatan, meningkatkan taraf hidup serta mengurangkan kebergantungan kepada sektor pekerjaan tradisional menjadikannya satu elemen penting dalam strategi pembangunan negara secara menyeluruh. Keusahawanan berperanan dalam menyediakan peluang pekerjaan kepada individu serta merangsang perkembangan inovasi dan teknologi. Ia juga membantu mengurangkan kadar pengangguran dalam masyarakat. Oleh itu, pembangunan bakat keusahawanan dalam kalangan generasi muda menjadi semakin penting. Walau bagaimanapun, penglibatan anak-anak muda dalam bidang ini dilihat masih kurang memberangsangkan (Susanti & Kisworo, 2021; Marlina et al., 2022).

Masalah utama dalam kajian ini ialah masih kurangnya tahap kesedaran ibu bapa terhadap kerjaya keusahawanan anak-anak yang menyebabkan sokongan, galakan dan pendedahan terhadap bidang keusahawanan dalam kalangan anak-anak menjadi terhad (Nafi & Sahid, 2023; Syahril et al., 2024; Sondak et al., 2025). Situasi ini mendorong pengkaji untuk mengkaji pelbagai faktor yang menyumbang kepada permasalahan tersebut terutamanya pengaruh daripada institusi keluarga. Walau bagaimanapun, masih kurang kajian empirikal yang meneliti secara khususnya tahap kesedaran ibu bapa terhadap kerjaya keusahawanan anak-anak serta bagaimana tahap kesedaran tersebut mempengaruhi sokongan dan kecenderungan anak-anak untuk memilih keusahawanan sebagai kerjaya masa hadapan. Ibu bapa mempunyai peranan penting sebagai penyokong utama dalam menentukan pilihan kerjaya anak-anak. Menurut Nafi dan Sahid (2023), kecenderungan anak-anak untuk memilih kerjaya

dalam bidang keusahawanan dipengaruhi oleh tahap kesedaran ibu bapa terhadap bidang tersebut. Oleh itu, apabila ibu bapa kurang mempunyai kesedaran terhadap kelebihan dan potensi dalam bidang keusahawanan, ibu bapa cenderung untuk tidak memberikan sokongan atau galakan kepada anak-anak untuk menceburi bidang tersebut. Keadaan ini secara tidak langsung mengehadkan peluang anak-anak dalam meneroka dan memilih keusahawanan sebagai pilihan kerjaya masa hadapan.

Tambahan pula, terdapat kecenderungan dalam kalangan ibu bapa yang masih mempunyai tahap kesedaran yang negatif terhadap kerjaya keusahawanan. Ibu bapa menganggap bidang keusahawanan kurang stabil dan mempunyai risiko yang lebih tinggi berbanding kerjaya profesional seperti doktor, peguam dan jurutera. Menurut Georgescu dan Herman (2020), sesetengah ibu bapa kurang menggalakkan anak-anak melibatkan diri dalam bidang keusahawanan kerana ibu bapa beranggapan kerjaya ini memerlukan komitmen masa yang tinggi, memerlukan modal permulaan yang besar serta tidak menjamin kestabilan kewangan dalam jangka panjang. Jika tidak disedarkan, ia boleh menjadi penghalang utama dalam membentuk budaya keusahawanan dalam kalangan generasi muda. Kesedaran ibu bapa yang negatif terhadap kerjaya keusahawanan berpunca dari kekurangan pendedahan dan pengetahuan mereka terhadap bidang ini.

Selain itu, latar belakang ibu bapa dari segi pendidikan, pekerjaan dan pengalaman hidup memainkan peranan dalam membentuk tahap kesedaran ibu bapa terhadap keusahawanan. Pelajar yang datang daripada keluarga usahawan mempunyai kecenderungan yang lebih tinggi terhadap aktiviti keusahawanan. Hal ini menunjukkan bahawa pendedahan awal kepada persekitaran keusahawanan dalam keluarga memberi pengaruh yang signifikan terhadap tahap kesedaran ibu bapa mengenai kerjaya keusahawanan anak-anak (Martins et al., 2023; Muigai et al., 2023; Soares et al., 2023). Ibu bapa yang kurang kesedaran tentang konsep keusahawanan moden atau tidak mempunyai pengalaman dalam bidang perniagaan cenderung untuk tidak memberi dorongan yang mencukupi kepada anak-anak mereka. Keadaan ini akan menghalang perkembangan minat serta potensi keusahawanan anak-anak yang sepatutnya boleh dibentuk sejak awal.

Oleh itu, berdasarkan hujah dan perbincangan di atas kajian ini akan dijalankan terhadap ibu bapa yang tinggal di kawasan bandar dan luar bandar di Lembah Klang untuk mengkaji tahap kesedaran ibu bapa terhadap kerjaya keusahawanan anak-anak serta menguji hubungan antara pemboleh ubah tersebut dengan kerjaya keusahawanan anak-anak.

Objektif Kajian

Objektif kajian yang ingin dicapai adalah:

1. Mengetahui tahap kesedaran ibu bapa dengan kerjaya keusahawanan anak-anak.
2. Menguji hubungan antara tahap kesedaran ibu bapa dengan kerjaya keusahawanan anak-anak.

Kepentingan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kesedaran ibu bapa terhadap kerjaya keusahawanan anak-anak serta menguji hubungan antara tahap kesedaran tersebut dengan kerjaya keusahawanan anak-anak. Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu dan memberikan impak positif kepada pelbagai pihak. Pertama, ibu bapa. Kajian ini penting bagi


ibu bapa kerana ia dapat memberikan gambaran yang jelas mengenai tahap kesedaran mereka terhadap kerjaya keusahawanan sebagai salah satu pilihan masa depan anakanak. Dengan memahami persepsi dan sikap mereka, ibu bapa dapat menilai dan menyesuaikan pendekatan dalam memberikan sokongan serta bimbingan yang lebih tepat kepada anak-anak dalam memilih bidang kerjaya. Ini juga membantu meningkatkan kefahaman ibu bapa terhadap cabaran dan peluang dalam bidang keusahawanan.

Selain itu, anak-anak dan pelajar. Bagi anak-anak dan pelajar, kajian ini dapat membantu mereka memahami sejauh mana tahap kesedaran ibu bapa terhadap kerjaya keusahawanan anak-anak. Tahap kesedaran ibu bapa yang positif boleh meningkatkan motivasi dan keyakinan pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan dengan lebih mendalam. Selain itu, pelajar dapat mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kesedaran ibu bapa dalam membuat keputusan kerjaya dan memudahkan mereka dalam perancangan masa depan yang lebih baik.

Seterusnya, institusi pendidikan. Kajian ini juga memberi manfaat kepada institusi pendidikan dalam merangka program dan modul yang lebih berkesan untuk memupuk minat dan kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar. Dengan memahami tahap kesedaran ibu bapa, institusi boleh mengambil inisiatif bekerjasama dengan pihak keluarga untuk menyokong pembangunan usahawan muda secara menyeluruh. Ini membantu memastikan pendekatan pendidikan keusahawanan lebih relevan dan diterima oleh semua pihak berkepentingan.

Akhir sekali, pihak kerajaan. Bagi pihak kerajaan, kajian ini menyediakan maklumat penting untuk merangka dasar dan strategi pembangunan keusahawanan yang inklusif dan berkesan. Memahami tahap kesedaran ibu bapa membantu kerajaan mengenal pasti halangan serta keperluan sokongan yang diperlukan bagi meningkatkan penyertaan anak muda dalam bidang keusahawanan. Oleh itu, ia dapat membantu kerajaan dalam melaksanakan program pembangunan modal insan yang mampu menyumbang kepada kemajuan ekonomi negara.

Kerangka Konseptual Kajian




Rajah 1.1 Kerangka Konseptual Kajian

Sumber : Pengkaji

Kerangka konseptual memberikan gambaran menyeluruh dan jelas tentang fokus utama kajian yang dijalankan oleh pengkaji seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.1. Kerangka konseptual ini berfungsi sebagai panduan dan menetapkan batasan supaya kajian yang dilakukan kekal tertumpu kepada perkara yang ingin dikaji. Kerangka konseptual ini dibina berdasarkan satu pemboleh ubah bebas utama iaitu kesedaran ibu bapa manakala pemboleh ubah bersandar adalah kerjaya keusahawanan anak-anak. Hipotesis dibentuk bagi menerangkan hubungan antara pemboleh ubah kajian iaitu menyatakan bahawa tahap kesedaran ibu bapa mempunyai kaitan dengan kecenderungan anak-anak memilih kerjaya keusahawanan.

Menurut Janius et al. (2023), kesedaran ibu bapa terhadap kepentingan pendidikan keusahawanan memberi sumbangan signifikan dalam membentuk kecenderungan anak-anak menceburi bidang keusahawanan. Ini menunjukkan bahawa tahap kesedaran ibu bapa mempengaruhi pemahaman mereka terhadap nilai keusahawanan dan menjadi pemangkin kepada pembentukan kerjaya anak-anak. Justeru, hipotesis ini menguji sejauh mana kesedaran ini berhubung dengan pilihan kerjaya anak-anak dalam bidang keusahawanan.

Teori Kerjaya Kognitif Sosial (SCCT)



Rajah 1.2 Teori Kerjaya Kognitif Sosial (SCCT)

Sumber : Lent, Brown dan Hackett (1994)

Kajian ini menggunakan Teori Kerjaya Kognitif Sosial (SCCT) yang diperkenalkan oleh Lent, Brown dan Hackett (1994) bagi menerangkan hubungan antara tahap kesedaran ibu bapa dan kerjaya keusahawanan anak-anak. Menurut teori ini, faktor persekitaran seperti sokongan dan kesedaran ibu bapa mempengaruhi pembentukan efikasi sendiri, jangkaan hasil dan minat kerjaya seseorang individu. Dalam konteks kajian ini, kesedaran ibu bapa terhadap kepentingan kerjaya keusahawanan berperanan sebagai faktor persekitaran yang membentuk kecenderungan anak-anak terhadap bidang keusahawanan.

Seterusnya, tahap kesedaran ibu bapa mempengaruhi efikasi sendiri keusahawanan anak-anak, iaitu keyakinan terhadap kebolehan diri untuk melibatkan diri dalam aktiviti keusahawanan. Ibu bapa yang mempunyai kesedaran tinggi cenderung memberi galakan, sokongan moral dan pendedahan awal, sekali gus meningkatkan keyakinan anak terhadap kebolehan diri dalam bidang tersebut. Menurut García-Rodríguez et al. (2022), sokongan dan kesedaran ibu bapa merupakan faktor penting dalam mengukuhkan efikasi sendiri keusahawanan anak-anak.

Selain itu, kesedaran ibu bapa turut membentuk jangkaan hasil dan minat keusahawanan anak-anak. Anak-anak yang dibesarkan dalam persekitaran keluarga yang menghargai keusahawanan lebih cenderung mempunyai persepsi positif terhadap manfaat dan hasil kerjaya keusahawanan (Perez et al., 2022). Pendedahan ini juga membantu memupuk minat keusahawanan, yang bertindak sebagai pengantara utama dalam mempengaruhi pemilihan kerjaya keusahawanan anak-anak (Isma & Raharimalala, 2024). Secara keseluruhan, efikasi sendiri, jangkaan hasil dan minat berfungsi sebagai mekanisme psikologi yang menghubungkan kesedaran ibu bapa dengan kecenderungan anak memilih kerjaya keusahawanan.

Method Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan reka bentuk kuantitatif dengan kaedah tinjauan bagi mengumpul data secara sistematik melalui soal selidik bagi mengenal pasti dan menguji tahap kesedaran ibu bapa terhadap kerjaya keusahawanan anak-anak. Kajian ini dijalankan di Lembah Klang yang melibatkan ibu bapa sebagai responden kajian. Responden kajian terdiri daripada ibu bapa yang mempunyai anak berumur antara 13 hingga 25 tahun dan menetap di kawasan bandar dan luar bandar Lembah Klang. Sampel kajian terdiri daripada 400 orang ibu bapa. Teknik persampelan yang digunakan adalah menggunakan kaedah pensampelan rawak berstrata, di mana pemilihan ini bertujuan memastikan setiap strata diwakili secara seimbang dan membolehkan perbandingan antara kawasan bandar dan luar bandar. Proses pengumpulan data dijalankan melalui pengedaran soal selidik secara talian bagi memastikan capaian yang luas kepada responden dari kedua-dua kawasan. Semua responden diberikan penerangan mengenai tujuan kajian dan kerahsiaan maklumat mereka sebelum pengisian soal selidik. Data yang dikumpulkan akan dianalisis menggunakan “Statistical Package for the Social Science for Windows” (SPSS for Windows) iaitu SPSS versi 26 untuk menguji antara pemboleh ubah bebas (tahap kesedaran ibu bapa) dan pemboleh ubah bersandar (kerjaya keusahawanan anak-anak).

Instrumen kajian menggunakan soal selidik yang diubahsuai daripada kajian lepas mengikut kesesuaian kajian. Soal selidik dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu berkaitan maklumat demografi responden, tahap kesedaran ibu bapa dengan rujukan kepada kajian oleh De Laender dan Focke (2021) dan kefahaman kerjaya keusahawanan anak-anak dengan rujukan kepada kajian oleh Soleimanof et al. (2021). Tahap kesedaran ibu bapa mempunyai 10 item dengan nilai kebolehpercayaan adalah 0.812 dan kefahaman terhadap kerjaya keusahawanan anak-anak mempunyai 10 item dengan nilai kepercayaan adalah 0.825. Bahagian ini menggunakan skala Likert lima mata bagi menilai tahap persetujuan responden terhadap setiap item. Nilai Cronbach's Alpha melebihi 0.70 menunjukkan instrumen kajian mempunyai kebolehpercayaan yang baik, manakala Bartlett's Test of Sphericity yang signifikan ($p < 0.001$) membuktikan item-item instrumen sesuai dan signifikan untuk dianalisis. Nilai Kaiser-Meyer-Olkin (KMO) bagi setiap dimensi melebihi 0.60, dengan KMO untuk kesedaran ibu bapa 0.898 ($p = 0.000$) dan kerjaya keusahawanan anak-anak adalah 0.904 ($p = 0.000$), menunjukkan data sesuai untuk analisis lanjut. Analisis regresi menunjukkan bahawa tahap kesedaran ibu bapa menyumbang secara signifikan terhadap kerjaya keusahawanan anak-anak.

Hasil Kajian

Bahagian ini menghuraikan dapatan kajian yang diperoleh daripada analisis data bagi menjawab objektif kajian yang telah ditetapkan. Dapatan kajian ini memberi tumpuan kepada hubungan antara tahap kesedaran ibu bapa terhadap kerjaya keusahawanan anak-anak terutamanya dari segi kekuatan dan signifikan hubungan antara pemboleh ubah yang dikaji. Analisis statistik telah digunakan bagi mengenal pasti sejauh mana peranan ibu bapa mempengaruhi kecenderungan anak-anak terhadap bidang keusahawanan dan memberikan gambaran yang jelas tentang faktor keluarga dalam pembentukan hala tuju kerjaya anak-anak.

Jadual 1: Nilai Min dan Sisihan Piawai Tahap Kesedaran Ibu Bapa terhadap Kerjaya Keusahawanan Anak-anak

Pembolehubah	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Kesedaran	3.994	0.531	Tinggi
Kefahaman Kerjaya Keusahawanan	3.778	0.599	Tinggi

Berdasarkan Jadual 1 menunjukkan nilai min dan sisihan piawai bagi tahap kesedaran ibu bapa terhadap kerjaya keusahawanan anak-anak. Nilai min yang diperoleh adalah sebanyak 3.994 dengan sisihan piawai 0.531. Nilai min yang tinggi ini menunjukkan bahawa tahap kesedaran ibu bapa terhadap kerjaya keusahawanan anak-anak berada pada tahap yang tinggi. Selain itu, nilai sisihan piawai yang rendah menunjukkan bahawa responden memberikan jawapan yang hampir seragam berkaitan tahap kesedaran tersebut. Bagi pembolehubah kefahaman terhadap kerjaya keusahawanan anak-anak pula, nilai min yang diperoleh adalah sebanyak 3.778 dengan sisihan piawai 0.599. Dapatan ini menunjukkan bahawa tahap kefahaman ibu bapa terhadap kerjaya keusahawanan anak-anak juga berada pada tahap yang tinggi. Nilai sisihan piawai yang rendah turut menunjukkan bahawa jawapan responden adalah hampir seragam berkaitan kefahaman terhadap kerjaya keusahawanan.

Hubungan Antara Tahap Kesedaran Ibu Bapa Terhadap Kerjaya Keusahawanan Anak – Anak

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan ujian regresi untuk menguji hubungan antara tahap kesedaran ibu bapa dengan kerjaya keusahawanan anak-anak. Ujian regresi dipilih kerana ia merupakan salah satu kaedah statistik yang sesuai untuk mengukur kekuatan dan arah hubungan linear antara dua pembolehubah yang berskala interval atau nisbah. Oleh itu, ujian ini membolehkan pengkaji untuk menentukan sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kesedaran ibu bapa dengan kerjaya keusahawanan anak-anak.

H0: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kesedaran ibu bapa dengan kerjaya keusahawanan anak – anak

H1: Terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kesedaran ibu bapa dengan kerjaya keusahawanan anak – anak

Hasil analisis menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kesedaran ibu bapa dengan kerjaya keusahawanan anak-anak. Dapatan ini menunjukkan bahawa semakin tinggi tahap kesedaran ibu bapa terhadap bidang keusahawanan, semakin tinggi kecenderungan anak-anak untuk mempertimbangkan kerjaya dalam bidang tersebut. Keputusan ini juga menjelaskan bahawa kesedaran ibu bapa berperanan dalam membentuk pandangan serta kecenderungan kerjaya anak-anak. Oleh itu, ibu bapa yang mempunyai tahap kesedaran yang tinggi terhadap potensi dan peluang dalam bidang keusahawanan cenderung memberikan galakan kepada anak-anak untuk melihat keusahawanan sebagai salah satu pilihan kerjaya pada masa hadapan.

Analisis regresi dijalankan untuk melihat tahap kesedaran ibu bapa terhadap kerjaya keusahawanan anak-anak. Beberapa andaian regresi linear seperti ujian normaliti, kolineariti, dan ujian kesamaan varians telah dijalankan mengikut kaedah yang ditetapkan (Abdullahi &

Adamu, 2024). Jadual 2 menunjukkan ringkasan model yang dinyatakan. Nilai R square adalah 0.447. Nilai R yang tinggi menunjukkan hubungan yang kuat antara tahap kesedaran ibu bapa dengan kerjaya keusahawanan anak-anak. Selain itu, nilai R square yang mencapai 0.447 menunjukkan bahawa sebanyak 44.7% variasi dalam kerjaya keusahawanan anak-anak dapat dijelaskan oleh tahap kesedaran ibu bapa. Baki variasi iaitu 55.3% yang tidak dijelaskan dalam kajian ini mungkin dipengaruhi oleh faktor lain seperti sokongan keluarga, pendidikan keusahawanan, pengaruh rakan sebaya, efikasi sendiri serta pendedahan terhadap aktiviti keusahawanan. Faktor-faktor ini boleh mempengaruhi kecenderungan kerjaya keusahawanan anak-anak dan wajar dikaji dalam penyelidikan akan datang.

Jadual 2: Model Summary

Pembolehubah	R	R Square	Adjusted R Square
Tahap Kesedaran	0.669	0.447	0.446

Tujuan ANOVA adalah untuk menentukan pengaruh pemboleh ubah bebas terhadap pemboleh ubah bersandar dalam model regresi. Nilai-*p* hendaklah kurang daripada 0.05 ($p < 0.05$) untuk membuktikan bahawa tahap kesedaran ibu bapa terhadap kerjaya keusahawanan anak-anak adalah signifikan secara statistik. Berdasarkan Jadual 3, nilai-*p* ialah 0.000 iaitu kurang daripada 0.001 yang bermaksud hubungan antara tahap kesedaran ibu bapa dan kefahaman terhadap kerjaya keusahawanan anak-anak adalah signifikan. Justeru, hipotesis pertama diterima.

Jadual 3: ANOVA

Pembolehubah	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Tahap Kesedaran					
Regression	64.101	1	64.101	321.696	0.000
Residual	79.305	398	0.199		
Total	143.406	399			

Berdasarkan analisis ujian regresi linear dalam Jadual 4, analisis regresi linear digunakan untuk menilai hubungan antara tahap kesedaran ibu bapa dan kerjaya keusahawanan anak-anak. Nilai pekali piawai Beta menunjukkan arah hubungan antara pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar. Keputusan analisis menunjukkan bahawa tahap kesedaran ibu bapa mempunyai hubungan yang signifikan dengan kerjaya keusahawanan anak-anak. Nilai pekali piawai Beta ($\beta = 0.669$) menunjukkan kekuatan hubungan positif antara tahap kesedaran ibu bapa dan kerjaya keusahawanan anak-anak tanpa melibatkan perbandingan dengan pemboleh ubah lain kerana model hanya mempunyai satu peramal utama. Keputusan analisis regresi menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara pembolehubah tahap kesedaran dan kefahaman ibu bapa terhadap kerjaya keusahawanan anak-anak di Lembah Klang. Dapatan kajian mendapati tahap kesedaran ibu bapa mempunyai hubungan yang signifikan dengan kefahaman ibu bapa terhadap kerjaya keusahawanan anak-anak pada aras signifikan $p = 0.000$ ($p < 0.001$). Nilai pekali tidak piawai ($B = 0.754$) menunjukkan bahawa setiap peningkatan satu unit dalam tahap kesedaran ibu bapa akan meningkatkan kefahaman kerjaya keusahawanan anak-anak sebanyak 0.754 unit, dengan andaian pembolehubah lain adalah malar. Selain itu, nilai pekali piawai Beta ($\beta = 0.669$) menunjukkan hubungan positif yang kuat antara tahap kesedaran ibu bapa dan kecenderungan kerjaya keusahawanan anak-anak. Oleh kerana model ini hanya melibatkan satu pemboleh ubah bebas, nilai tersebut ditafsirkan sebagai kekuatan hubungan dan bukan untuk tujuan perbandingan antara peramal. Oleh itu, hipotesis ini adalah disokong.

Standardized Coefficient Beta di dalam Jadual 4 menunjukkan jumlah sumbangan pembolehubah tahap kesedaran terhadap kerjaya keusahawanan anak-anak. Nilai p bermaksud hubungan signifikan antara setiap pembolehubah tidak bersandar terhadap pembolehubah bersandar. Sekiranya nilai p bagi pembolehubah adalah kurang daripada tahap signifikan ($p < 0.001$), data sampel memberikan bukti yang cukup untuk menolak hipotesis nol.

Jadual 4 : Coefficient

Pembolehubah		Unstandardized		Standardized	t	Sig.
		Coefficients				
		B	Std. Error			
Tahap	(Constant)	0.768	0.169		4.538	0.000
Kesedaran	Tahap Kesedaran	0.754	0.042	0.669	17.936	0.000

Perbincangan Kajian

Perbincangan dapatan kajian ini memfokuskan kepada hubungan antara tahap kesedaran ibu bapa terhadap kerjaya keusahawanan anak-anak di Lembah Klang. Objektif kajian yang bertujuan untuk mengenal pasti tahap kesedaran ibu bapa terhadap kerjaya keusahawanan anak-anak dan menguji hubungan tahap kesedaran ibu bapa mempunyai hubungan yang signifikan terhadap kefahaman ibu bapa terhadap kerjaya keusahawanan anak-anak. Dapatan analisis regresi linear yang menunjukkan tahap kesedaran ibu bapa mempunyai hubungan yang signifikan dan positif terhadap kerjaya keusahawanan anak-anak. Ini menyokong kajian yang telah dibina.

Hubungan positif yang signifikan antara tahap kesedaran ibu bapa dan kerjaya keusahawanan anak-anak ini dapat dijelaskan melalui peranan ibu bapa sebagai sumber maklumat utama dalam pembentukan kefahaman kerjaya anak-anak. Ibu bapa yang mempunyai kesedaran tinggi tentang konsep, peluang dan cabaran dalam bidang keusahawanan cenderung untuk memberikan pendedahan yang lebih jelas dan realistik kepada anak-anak. Pendedahan ini bukan sahaja membantu anak-anak memahami keusahawanan sebagai satu kerjaya yang sah dan berdaya maju, malah mengurangkan persepsi negatif terhadap risiko dan ketidakstabilan pendapatan yang sering dikaitkan dengan bidang tersebut. Keadaan ini menjelaskan mengapa hubungan yang wujud adalah bersifat positif, selari dengan dapatan kajian lepas yang menyatakan bahawa sokongan dan pengetahuan ibu bapa memainkan peranan penting dalam mempengaruhi hala tuju kerjaya anak-anak (Wang et al., 2024; Söner & Gültekin, 2024; Pratama & Muttaqin, 2024).

Selain itu, dapatan kajian menunjukkan kecenderungan yang jelas ke arah sokongan ibu bapa terhadap keusahawanan sebagai pilihan kerjaya apabila tahap kesedaran mereka meningkat. Nilai R square yang tinggi menunjukkan bahawa tahap kesedaran ibu bapa menyumbang secara bermakna kepada variasi dalam kefahaman kerjaya keusahawanan anak-anak. Ini menunjukkan bahawa kecenderungan sikap ibu bapa bukan bersifat neutral atau menolak, sebaliknya lebih cenderung ke arah menerima dan menyokong kerjaya keusahawanan. Kecenderungan ini boleh dikaitkan dengan perubahan landskap pekerjaan semasa yang semakin mencabar, di mana keusahawanan dilihat sebagai alternatif yang relevan kepada pekerjaan tradisional. Dapatan ini menyokong pandangan kajian lepas yang menyatakan

bahawa ibu bapa yang memahami realiti pasaran kerja semasa lebih terbuka untuk menggalakkan anak-anak menceburi bidang keusahawanan (Nafi & Sahid, 2023; Bhaskara & Inggarwati, 2023; Haque et al., 2024).

Tambahan pula, nilai R square menunjukkan bahawa tahap kesedaran ibu bapa menjelaskan sebahagian daripada variasi dalam kerjaya keusahawanan anak-anak. Walau bagaimanapun, masih terdapat sebahagian variasi yang tidak diterangkan oleh model kajian ini. Faktor lain seperti pendidikan keusahawanan, pengaruh rakan sebaya, pengalaman keluarga dalam perniagaan serta tahap efikasi sendiri anak-anak juga berpotensi mempengaruhi kecenderungan kerjaya keusahawanan. Oleh itu, kajian pada masa hadapan boleh meneliti pemboleh ubah tambahan bagi memberikan pemahaman yang lebih menyeluruh mengenai faktor yang mempengaruhi kerjaya keusahawanan anak-anak.

Walaupun bagaimanapun, hubungan positif ini juga menunjukkan bahawa tahap kesedaran ibu bapa masih menjadi faktor penentu utama sama ada keusahawanan dilihat secara positif atau sebaliknya. Sekiranya tahap kesedaran ibu bapa adalah rendah, mereka berkemungkinan besar mempunyai kefahaman yang terhad atau stereotaip terhadap bidang keusahawanan, seterusnya mempengaruhi pandangan anak-anak secara negatif. Oleh itu, dapatan kajian ini mengesahkan bahawa kesedaran ibu bapa bertindak sebagai asas kepada pembentukan kefahaman dan kecenderungan anak-anak terhadap kerjaya keusahawanan. Menurut Carr dan Sequeira (2007), pendedahan awal dan kefahaman keluarga terhadap keusahawanan berupaya membentuk kecenderungan kerjaya anak-anak dalam jangka panjang.

Sebagai rumusan, kajian ini menunjukkan tahap kesedaran ibu bapa mempunyai hubungan yang signifikan dan positif dengan kerjaya keusahawanan anak-anak. Dapatan ini menunjukkan bahawa peningkatan tahap kesedaran ibu bapa berupaya meningkatkan kefahaman mereka terhadap keusahawanan sebagai satu pilihan kerjaya yang relevan untuk anak-anak. Selaras dengan objektif kajian, kajian ini telah berjaya mencapai objektif tersebut dengan membuktikan bahawa tahap kesedaran ibu bapa merupakan peramal yang signifikan terhadap kerjaya keusahawanan anak-anak. Secara keseluruhan, dapatan kajian ini memberi sumbangan penting kepada literatur keusahawanan keluarga dengan menegaskan peranan kesedaran ibu bapa sebagai asas kepada pembentukan kefahaman terhadap kerjaya keusahawanan anak-anak.

Implikasi terhadap Kerjaya Keusahawanan Anak-anak

Implikasi kajian ini terhadap kerjaya keusahawanan anak-anak menunjukkan bahawa tahap kesedaran ibu bapa memainkan peranan penting dalam membentuk kecenderungan anak-anak terhadap bidang keusahawanan. Menurut Razak et al. (2025) dan Awal et al. (2025), kesedaran ibu bapa yang tinggi berupaya mewujudkan persekitaran keluarga yang menyokong penerokaan idea perniagaan, pemikiran kreatif dalam kalangan anak-anak serta mempengaruhi aspirasi kerjaya anak-anak. Sokongan ini dapat meningkatkan keyakinan diri anak-anak untuk mempertimbangkan keusahawanan sebagai satu pilihan kerjaya yang berpotensi dan berdaya maju dan realistik (Ahmed, 2022). Selain itu, pendedahan awal oleh ibu bapa terhadap nilai, cabaran dan peluang dalam bidang keusahawanan mampu mempengaruhi pembentukan aspirasi kerjaya anak-anak secara berterusan. Hal ini secara tidak langsung menyumbang kepada perkembangan minat keusahawanan dalam kalangan generasi muda.

Seterusnya, kesedaran ibu bapa terhadap kerjaya keusahawanan turut memberi implikasi terhadap pembentukan sikap dan pemikiran anak-anak berkaitan risiko dan ketidakpastian dalam dunia pekerjaan. Anak-anak yang dibesarkan dalam persekitaran keluarga yang memahami bidang keusahawanan cenderung untuk mempunyai sikap yang lebih positif terhadap cabaran serta peluang yang wujud dalam kerjaya tersebut (Razak et al., 2025; Sondak et al., 2025). Menurut Nguyen dan Nguyen (2024), keadaan ini membantu anak-anak membangunkan daya tahan, keberanian dan kebolehan membuat keputusan yang penting dalam keusahawanan. Sokongan ibu bapa juga berperanan sebagai faktor motivasi yang menggalakkan anak-anak untuk terus berusaha dan tidak mudah berputus asa. Keadaan ini secara tidak langsung meningkatkan kecenderungan anak-anak untuk memilih keusahawanan sebagai laluan kerjaya. Oleh itu, kesedaran ibu bapa dilihat sebagai elemen penting dalam membentuk sikap keusahawanan anak-anak. Implikasi ini menunjukkan bahawa kesedaran ibu bapa mampu mempengaruhi kesediaan anak-anak untuk menceburi bidang keusahawanan secara lebih yakin dan terancang.

Selain itu, implikasi kajian ini turut menekankan kepentingan kesedaran ibu bapa dalam membantu anak-anak menyesuaikan diri dengan perubahan ekonomi dan keperluan pasaran kerja semasa. Dalam keadaan pasaran kerja yang semakin kompetitif, kerjaya keusahawanan dilihat sebagai satu alternatif yang relevan dan mampan kepada pekerjaan konvensional (Kim et al., 2025). Kesedaran ibu bapa yang tinggi dapat menggalakkan anak-anak untuk melihat keusahawanan sebagai peluang membina kerjaya sendiri serta menyumbang kepada pembangunan ekonomi. Hal ini juga dapat membantu melahirkan generasi muda yang lebih berdikari, inovatif dan berdaya saing. Oleh itu, pengukuhan kesedaran ibu bapa terhadap kerjaya keusahawanan anak-anak dilihat sebagai satu aspek penting dalam memastikan kesinambungan minat dan penglibatan anak-anak dalam bidang keusahawanan pada masa hadapan.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini telah mengenal pasti tahap kesedaran ibu bapa terhadap kerjaya keusahawanan anak-anak dan menguji hubungan antara tahap kesedaran ibu bapa terhadap kerjaya keusahawanan anak-anak di Lembah Klang. Kajian ini jelas menunjukkan bahawa tahap kesedaran ibu bapa terhadap kerjaya keusahawanan anak-anak berada pada tahap yang tinggi dan memerlukan perhatian berterusan bagi memastikan kesedaran tersebut dapat dikekalkan serta diperkukuhkan secara konsisten. Setiap ibu bapa tanpa mengira latar belakang sama-sama menunjukkan tahap kesedaran terhadap kerjaya keusahawanan anak-anak. Dari aspek hubungan pula, dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif antara tahap kesedaran ibu bapa dengan kerjaya keusahawanan anak-anak.

Hasil analisis regresi menunjukkan nilai standardized coefficient adalah 0.669, di mana setiap peningkatan 1-unit tahap kesedaran ibu bapa akan menyumbang kepada peningkatan sebanyak 0.669 unit terhadap kecenderungan kerjaya keusahawanan anak-anak, dengan nilai-p ($p < 0.001$). Oleh itu, dapatan ini membuktikan bahawa tahap kesedaran ibu bapa memainkan peranan penting dalam mempengaruhi minat dan kecenderungan anak-anak terhadap kerjaya keusahawanan. Kesedaran ibu bapa yang tinggi dapat membantu anak-anak membuat pertimbangan kerjaya yang lebih baik melalui sokongan, pendedahan serta galakan yang berterusan terhadap bidang keusahawanan. Penekanan perlu diberikan kepada peranan ibu bapa dalam membentuk proses pengambilan keputusan anak-anak, bukan sahaja dalam pemilihan kerjaya, tetapi juga dalam membina pemikiran keusahawanan yang lebih realistik

dan bersedia menghadapi cabaran pasaran. Penemuan ini menegaskan bahawa kesedaran dan sokongan ibu bapa merupakan faktor penting dalam pembangunan kerjaya keusahawanan anak-anak secara berterusan dan mampan.

Sehubungan itu, kajian ini diharapkan dapat menjadi rujukan dan panduan kepada ibu bapa, pendidik serta pembuat dasar dalam merangka pendekatan yang lebih berkesan bagi meningkatkan tahap kesedaran dan sokongan terhadap kerjaya keusahawanan anak-anak. Pemahaman yang lebih mendalam tentang peranan ibu bapa dalam mempengaruhi pemilihan kerjaya keusahawanan diyakini mampu menyumbang kepada pembentukan ekosistem keusahawanan yang lebih kondusif dan berdaya saing pada masa hadapan.

Penghargaan:	Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia, pensyarah penyelia dan pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung atas sokongan dan kemudahan yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan.
Penyataan Pembiayaan:	Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan.
Pernyataan Konflik Kepentingan:	Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada International Journal of Entrepreneurship and Management Practices (IJEMP)
Pernyataan Etika:	Kajian ini tidak melibatkan sebarang responden manusia, haiwan, atau data sensitif yang memerlukan kelulusan etika. Penulis mengesahkan bahawa penyelidikan ini telah dijalankan selaras dengan prinsip integriti akademik dan piawaian etika penerbitan yang diterima umum.
Pernyataan Sumbangan Penulis:	Semua penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini. Zainoor Sabrina menulis pengenalan, pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan, teori, kerangka konseptual, metodologi, dapatan kajian, perbincangan dan kesimpulan serta diselia oleh Prof. Madya Dr Sheerad Sahid.

Rujukan

- Adenutsi, D. E. (2023). Entrepreneurship, job creation, income empowerment and poverty reduction in Low-Income economies. *Theoretical Economics Letters*, 13(06), 1579–1598. <https://doi.org/10.4236/tel.2023.136089>
- Ahmed, I. (2022). Linking self-efficacy, entrepreneurial fit, family support, and entrepreneurial intentions: An explanatory mechanism. *Frontiers in Psychology*, 13, 959444. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2022.959444>
- Awal, M. R., Hossain, M., Hossain, M. A., P, S., Karki, S., & Mutha, A. (2025). Cultivating entrepreneurial aspirations: a comprehensive examination of university support, family support, and digital entrepreneurial knowledge on students' digital entrepreneurial intention. *Journal of Global Entrepreneurship Research*, 15(1). <https://doi.org/10.1007/s40497-024-00417-0>
- Bhaskara, R. T., & Inggawati, K. (2023). Entrepreneurship Education and Academic Support Influence Students' Entrepreneurial Intention with Parental Role as Moderator. *Jurnal Manajemen Dan Kewirausahaan*, 11(1), 20–28. <https://doi.org/10.26905/jmdk.v11i1.9827>
- García-Rodríguez, F. J., Gutiérrez-Taño, D., & Ruiz-Rosa, I. (2022). Parents' support for children's entrepreneurial behavior: incentivizing the next generation of entrepreneurs. *International Journal of Entrepreneurial Behaviour & Research*. <https://doi.org/10.1108/ijeb-05-2022-0452>
- Georgescu, M., & Herman, E. (2020). The impact of the family background on students' entrepreneurial intentions: An Empirical analysis. *Sustainability*, 12(11), 4775. <https://doi.org/10.3390/su12114775>
- Hayward, M., Cheng, Z., Wang, H., & Smyth, R. (2023). Parental influence and the propensity for entrepreneurship: Evidence from the one-child policy. *Journal of Business Venturing Insights*, 20, e00428. <https://doi.org/10.1016/j.jbvi.2023.e00428>
- Haque, M. R., Kour, M., & Mahin, M. H. (2024). The role of family support, self-efficacy, and entrepreneurial education in developing entrepreneurial intentions in developing countries. *Journal of the Knowledge Economy*, 16(3), 12143–12169. <https://doi.org/10.1007/s13132-024-02285-1>
- Isma, A., & Raharimalala, N. S. (2024). Entrepreneurship Education as a Key Mediator in the Path from Motivation and Knowledge to Entrepreneurial Interest. *Pinisi Journal of Entrepreneurship Review*, 2(3), 175–186. <https://doi.org/10.62794/pjer.v2i3.4035>
- Janius, N., Jahadi, N. E. H. B., Abdullah, S. N. L. B., & Ling, M. S. (2023). Kesedaran Pendidikan Keusahawanan Terhadap Kerjaya Kanak-Kanak di Masa Hadapan: Satu Tinjauan Literatur. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(5), e002286. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i5.2286>
- Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. (2019). *Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN 2030)*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Laporan tahunan 2018: Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025*.
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. (2011). *Dasar keluarga negara dan pelan tindakan keluarga negara*. Putrajaya: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
- Kim, D., Kim, T., Kim, W., & Youn, H. (2025). When automation hits jobs: Entrepreneurship as an alternative career path. *PLoS ONE*, 20(9), e0331244. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0331244>

- Marlina, M., Apriyanto, M., Novitasari, R., Fikri, K. N. S., & Widyawati, W. (2022). ENTREPRENEURSHIP PERKEBUNAN KELAPA DI KABUPATEN INDRAGIRI HILIR. *Selodang Mayang Jurnal Ilmiah Badan Perencanaan Pembangunan Daerah Kabupaten Indragiri Hilir*, 8(1), 1–5. <https://doi.org/10.47521/selodangmayang.v8i1.235>
- Martins, J. M., Shahzad, M. F., & Xu, S. (2023). Factors influencing entrepreneurial intention to initiate new ventures: evidence from university students. *Journal of Innovation and Entrepreneurship*, 12(1). <https://doi.org/10.1186/s13731-023-00333-9>
- Mei, F. M., Kuty, F. M., & Othman, N. (2021). Penglibatan Ibu bapa dan Efikasi Kendiri Murid Sekolah Menengah dalam Membuat Keputusan Kerjaya. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(9), 230–240. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i9.1023>
- Muigai, S. W., Mungai, E., & Velamuri, R. (2023). Intergenerational transmission of entrepreneurship: An East African perspective of SME owner's choice of joining the family business or independent own founding. *Cogent Business & Management*, 10(1). <https://doi.org/10.1080/23311975.2023.2195023>
- Nafi, S. N. M., & Sahid, S. (2023). Persepsi, Sikap dan Tanggapan Ibu Bapa Terhadap Bidang Kerjaya Keusahawanan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(7), e002360. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i7.2360>
- Nguyen, P. N., & Nguyen, H. H. (2024). Examining the role of family in shaping digital entrepreneurial intentions in emerging markets. *SAGE Open*, 14(1). <https://doi.org/10.1177/21582440241239493>
- Osman, S. A., Emole, E. O., & Onu, E. V. (2023). Assessing the role of formal education in promoting entrepreneurship. *International Journal of Entrepreneurial Knowledge*, 11(2), 89–108. <https://doi.org/10.37335/ijek.v11i2.197>
- Pratama, M. F., & Muttaqin, D. (2024). Career Decision-Making Self-Efficacy as mediator of parental career support and vocational identity. *Journal of Educational Health and Community Psychology*, 1748–1767. <https://doi.org/10.12928/jehcp.v13i4.29077>
- Perez, J. P., Martins, I., Mahauad, M. D., & Sarango-Lalangui, P. O. (2022). A bridge between entrepreneurship education, program inspiration, and entrepreneurial intention: The role of individual entrepreneurial orientation. *Journal of Entrepreneurship in Emerging Economies*.
- Prasakti, A. W., & Idrus, A. (2024). The Importance of Entrepreneurship Education from an Early Age. *LADU Journal of Languages and Education*, 4(3), 75–82. <https://doi.org/10.56724/ladu.v4i3.276>
- Razak, T. M. T. A., Ibrahim, N., Sapiee, M. L., & Rasidi, M. A. (2025). Family ties to entrepreneurial dreams: unveiling the power of values and support in shaping business ambitions. *Environment-Behaviour Proceedings Journal*, 10(SI24), 51–56. <https://doi.org/10.21834/e-bpj.v10isi24.6363>
- Soares, A. M. J., De Melo, F. L. N. B., & Sampaio, L. M. B. (2023). Influence of parental support on entrepreneurial intention of university students: empirical evidence in Brazil. *Cadernos EBAPPE BR*, 21(2). <https://doi.org/10.1590/1679-395120220121x>
- Sondak, M. R., Ardianti, R., Wijaya, S., & Liauw, T. T. (2025). Bridging Parental influence and entrepreneurship Education: The role of entrepreneurial and digital competencies in shaping entrepreneurial career aspirations. *SAGE Open*, 15(4). <https://doi.org/10.1177/21582440251367512>
- Söner, O., & Gültekin, F. (2024). Middle school students' career parental support and adolescent–parent career congruence: the mediating role of self-efficacy. *International*

- Journal for Educational and Vocational Guidance*, 25(3), 981–1003.
<https://doi.org/10.1007/s10775-024-09658-7>
- Susanti, S., & Kisworo, B. (2021). Pemuda dalam Mengembangkan Social Entrepreneurship. *Journal of Nonformal Education and Community Empowerment*, 162–169.
<https://doi.org/10.15294/jnece.v5i2.46001>
- Syahrial, Y., Endarwati, I. S., & Putri, G. A. (2024). The influence of parental support, income expectations, and entrepreneurship education on entrepreneurial intentions: Entrepreneurship Motivation as a mediation variabel. *International Journal of Economics, Management and Accounting*, 1(3), 344–359.
<https://doi.org/10.61132/ijema.v1i3.208>
- Veljkovic, S. M., Maric, M., Subotic, M., Dudic, B., & Greguš, M. (2019). Family entrepreneurship and personal career preferences as the factors of differences in the development of entrepreneurial potential of students. *Sustainability*, 11(20), 5693.
<https://doi.org/10.3390/su11205693>
- Wang, H., Liu, J., Li, C., Fang, A., & Wang, G. (2024). Research on the effect mechanism of Career-Specific Parental Support Promoting Meaning in Life of Chinese higher Vocational College students. *Behavioral Sciences*, 14(12), 1172.
<https://doi.org/10.3390/bs14121172>
- Zaini, M. S. (2023). Needs Analysis: Development of Children’s Entrepreneurship Education Module through Play Method. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 12(1), 58–69. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol12.1.6.2023>